

12/04/1997

Firma besar diminta derma komputer

KUALA LUMPUR, Jumaat - Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, menggesa syarikat besar supaya menderma komputer terpakai kepada jawatankuasa bersama kelolaan parti itu untuk diagihkan kepada sekolah rendah pelbagai aliran.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, langkah itu amat bermakna kerana ia dapat mempercepatkan penguasaan pelajaran komputer di kalangan murid sekolah rendah, selain mencapai penggunaan sepenuh sumber komputer.

Menurutnya, usaha itu juga sejajar dengan aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan untuk merealisasikan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Kita percaya usaha ini akan mendorong rakyat khususnya generasi muda untuk menguasai pengetahuan komputer dan bersedia memasuki era baru zaman maklumat," katanya selepas melancarkan kempen pendermaan komputer di SRJK (T) Bukit Jalil di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Dr Ling menyampaikan 30 komputer kepada tiga sekolah rendah dan menerima 233 komputer sumbangan tujuh syarikat untuk jawatankuasa bersama itu.

Turut hadir ialah Timbalan Presiden MCA yang juga Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Jawatankuasa bersama itu ditubuhkan Mac tahun lalu oleh MCA, Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia dan Dewan Pertubuhan Cina Malaysia bagi mendapatkan komputer terpakai daripada syarikat swasta.

Ling berkata, sehingga kini jawatankuasa bersama itu berjaya mendapatkan lebih 300 komputer daripada pelbagai syarikat dan sudah mengagihkan 30 komputer kepada tiga sekolah rendah.

Katanya, baki komputer yang dikumpul akan diagihkan kepada sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan, terutama sekolah kecil di luar bandar yang tidak mampu menyediakan kemudahan komputer kepada pelajar.

Menurutnya, kempen itu akan dilanjutkan sehingga semua sekolah rendah mempunyai kemudahan komputer yang mencukupi.

Sehubungan itu, beliau menyeru sekolah rendah, khususnya di luar bandar, membentuk program pelajaran komputer dan menghubungi jawatankuasa bersama itu bagi mendapatkan bantuan.

(END)